

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGAMBILAN DAN PENGURUSAN PELAJAR
ANTARABANGSA YANG MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA PEMBELAJARAN
TERBUKA DAN JARAK JAUH (*OPEN AND DISTANCE LEARNING*) DI INSTITUSI
PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA MELALUI EDUCATION MALAYSIA GLOBAL
SERVICES**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai tatacara permohonan pengambilan dan pengurusan pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian secara Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Open and Distance Learning* (ODL)) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia melalui Education Malaysia Global Services (EMGS).

2.0 PENGENALAN

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah diberikan mandat oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku agensi kawal selia bagi pengambilan pelajar antarabangsa di IPT Malaysia.

Selaras dengan hasrat dan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa seperti yang digariskan di bawah Lonjakan 8: Keunggulan Global, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), dan selari dengan salah satu fokus utama KPT tahun 2024 iaitu pemantapan ekosistem pemboleh daya, kebolehsesuaian program ODL yang fleksibel pastinya menjadi daya tarikan bagi pelajar antarabangsa untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pendidikan mereka sekali gus meningkatkan potensi negara sebagai hab pendidikan global.

Walau bagaimanapun, pada masa ini pengambilan pelajar antarabangsa bagi pengajian secara ODL tidak mempunyai tatacara kemasukan dan kawalan yang seragam dan berkesan sepanjang pelaksanaannya. Oleh itu, panel mesyuarat di peringkat pengurusan tertinggi KPT telah mencapai keputusan bersama bagi memastikan saringan dan penilaian sewajarnya termasuk saringan kelayakan akademik bakal pelajar antarabangsa ODL serta penilaian kredibiliti IPT yang layak melaksanakan pengajian secara ODL dapat dilaksanakan dalam urusan pengambilan pelajar antarabangsa bagi mengikuti pengajian secara ODL untuk menjamin kualiti penyampaian pendidikan secara ODL di IPT Malaysia.

3.0 SKOP

Garis panduan ini meliputi tafsiran, punca kuasa, syarat kelayakan IPT, tanggungjawab IPT, tanggungjawab pelajar, tanggungjawab EMGS, prosedur permohonan pengajian secara ODL, prosedur pengajian secara fizikal di Malaysia dan kebenaran belajar bagi Pas Jangka Panjang selain Pas Pelajar.

4.0 TAFSIRAN

Bagi maksud garis panduan ini, tafsiran istilah adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555], Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Akta Syarikat 2016 [Akta 777], Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173], Akta MQA 2007 [Akta 679] dan peraturan-peraturan di bawahnya.

4.1 “Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)”

Kementerian yang menyelaras segala dasar serta pelaksanaan pengajian secara ODL di bawah kawal selianya.

4.2 “Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), KPT

Agensi kawal selia terhadap IPT dan bertanggungjawab ke atas dasar serta pelaksanaan pengajian secara ODL.

4.3 “Education Malaysia Global Services (EMGS)”

Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) di bawah bidang kuasa KPT yang ditubuhkan pada tahun 2012 dan bertanggungjawab sebagai pusat sehenti bagi menguruskan kemasukan pelajar antarabangsa dan juga mempromosikan Malaysia di peringkat global.

4.4 “Kementerian Dalam Negeri (KDN)”

Kementerian yang bertanggungjawab terhadap kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa oleh IPT di Malaysia.

- 4.5 **“Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)”**
Jabatan yang bertanggungjawab memberikan kemudahan imigresen kepada pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia.
- 4.6 **“Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)”**
Agensi kawal selia tunggal yang bertanggungjawab menyelia dan menyelaraskan jaminan kualiti dan akreditasi program atau kelayakan pendidikan tinggi negara.
- 4.7 **“kelulusan”**
Kelulusan secara bertulis oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
- 4.8 **“kursus pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta”**
Satu kursus atau suatu set kursus yang berkaitan yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma atau ijazah sesudah tamat mengikuti dengan jayanya kursus pengajian itu.
- 4.9 **“kursus pengajian di Universiti Awam”**
Unit pembelajaran dan pengajaran dalam suatu program yang juga boleh dikenali sebagai modul, mata pelajaran atau unit.
- 4.10 **“program”**
Apa-apa penyusunan sesuatu kursus pengajian yang distrukturkan atau dirancang supaya mencapai hasil pembelajaran yang membawa kepada penganugerahan suatu kelayakan pendidikan tinggi.
- 4.11 **“pelajar antarabangsa”**
Pelajar bukan warganegara yang mengikuti pengajian akademik sekurang-kurangnya satu semester (enrolmen) atau sehingga bergraduat di Malaysia secara fizikal dan/atau *virtual*.
- 4.12 **“perakuan pendaftaran”**
Dokumen perakuan yang menyatakan tempoh sah laku pengoperasian yang dikeluarkan oleh KPT kepada IPTS.

4.13 “Pas Lawatan (Sosial) [PL(S)]”

Kemudahan yang diperlukan oleh pelajar antarabangsa ODL dengan jangka masa tidak melebihi tiga (3) bulan atau berdasarkan kelayakan PL(S) mengikut kelayakan negara masing-masing.

4.14 “Pas Pelajar”

Kemudahan yang diberikan oleh JIM kepada pelajar antarabangsa yang berada di Malaysia secara fizikal dengan jangka masa melebihi tiga (3) bulan atau untuk tempoh keberadaan yang melebihi kelayakan PL(S).

4.15 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia dalam garis panduan ini merujuk kepada:

4.15.1 Universiti Awam (UA) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] termasuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] (kemudiannya Akta Syarikat 2016 [*Akta 177*]) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*]; dan

4.15.2 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) merupakan organisasi atau institusi pendidikan, termasuklah Universiti atau Kolej Universiti atau kampus cawangan luar negeri atau Kolej yang diluluskan dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*].

5.0 PUNCA KUASA

5.1 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan peraturan-peraturan di bawahnya;

5.2 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan peraturan-peraturan di bawahnya;

- 5.3 Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- 5.4 Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- 5.5 Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;
- 5.6 Pekeliling dan Arahan Semasa Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia;
- 5.7 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [*Akta 679*]; dan
- 5.8 Pekeliling dan Surat Pekeliling/Pemakluman Dasar yang dikeluarkan oleh KPT, KDN dan JIM dari semasa ke semasa.

6.0 SYARAT KELAYAKAN IPT

Syarat kelayakan bagi institusi yang terlibat dalam pelaksanaan pengajian secara ODL adalah seperti berikut;

- 6.1 **Universiti Awam** yang memperoleh akreditasi penuh atau akreditasi sementara dari MQA dan kelulusan JPT bagi menawarkan kursus secara ODL; dan
- 6.2 **Institusi Pendidikan Tinggi Swasta** yang memiliki perakuan pendaftaran institusi, kelulusan mengendalikan kursus pengajian, kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa daripada KDN yang **masih sah** dan memperoleh akreditasi penuh atau akreditasi sementara dari MQA bagi menawarkan kursus secara ODL.

7.0 TANGGUNGJAWAB IPT

IPT adalah bertanggungjawab untuk:

7.1 TANGGUNGJAWAB UMUM

- 7.1.1 Mempunyai Perakuan Pendaftaran yang masih sah (IPTS Sahaja);

- 7.1.2 Mempunyai Kelulusan Pengambilan Pelajar Antarabangsa daripada KDN yang **masih mempunyai tempoh sah laku** (IPTS Sahaja);
- 7.1.3 Mempunyai kelulusan penawaran kursus pengajian daripada JPT yang **masih sah** (IPTS Sahaja);
- 7.1.4 Memastikan kursus pengajian telah diberikan akreditasi sementara atau penuh daripada MQA dan memperoleh kelulusan JPT;
- 7.1.5 Melaksanakan penapisan permohonan kursus dan memastikan permohonan adalah tulen dan berintegriti;
- 7.1.6 Mengeluarkan surat tawaran kepada pelajar antarabangsa ODL yang mengandungi maklumat seperti berikut iaitu;
 - 7.1.6.1 Tiada keperluan untuk berada di Malaysia; atau
 - 7.1.6.2 Berkeperluan untuk berada di Malaysia;dan
 - Pelan pengajian yang memperincikan keperluan keberadaan pelajar antarabangsa ODL di Malaysia yang tidak melebihi 18 bulan;
- 7.1.7 Menetapkan keperluan kemasukan pelajar antarabangsa ODL ke Malaysia yang memerlukan **hanya satu (1) kali permohonan Pas Pelajar** sepanjang tempoh pengajian;
- 7.1.8 Memastikan bahawa semua permohonan mengikuti pengajian secara ODL oleh calon pelajar antarabangsa termasuk calon pelajar yang memegang Pas Jangka Panjang dengan kebenaran untuk belajar oleh pihak JIM dikemukakan melalui sistem EMGS;
- 7.1.9 Memberikan nombor pendaftaran pelajar (*Student ID Number*) kepada semua pelajar antarabangsa ODL; dan
- 7.1.10 Memastikan pengambilan pelajar antarabangsa ODL khususnya dari negara-negara yang tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, berisiko menyebarkan penyakit dan mengancam keselamatan negara diberikan perhatian sewajarnya dan dirujuk kepada pihak yang berkenaan seperti Kementerian Luar Negeri berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa kerana langkah ini penting agar tahap kesihatan, keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

7.2 PERMOHONAN KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA KE MALAYSIA

7.2.1 IPT (atau pelajar antarabangsa ODL) mengemukakan permohonan *electronic Visa Approval Letter* (eVAL) pelajar antarabangsa ODL sekiranya keperluan keberadaan pelajar di Malaysia melebihi tempoh kelayakan PL(S) negara masing-masing melalui EMGS, **tertakluk kepada prosedur permohonan Pas Pelajar sedia ada.**

7.3 PENGURUSAN PELAJAR ANTARABANGSA ODL SEPANJANG KEBERADAAN DI MALAYSIA

- 7.3.1 Memastikan pelajar antarabangsa ODL mengikuti sepenuhnya kursus ODL seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran;
- 7.3.2 Melaporkan kepada JPT, PDRM dan JIM (Bahagian Visa dan Permit) dengan serta merta sekiranya pelajar antarabangsa ODL yang telah memasuki Malaysia gagal hadir pengajian tanpa sebab;
- 7.3.3 Membuat permohonan pembatalan Pas Pelajar kepada JIM dengan serta merta sekiranya pelajar antarabangsa ODL melanggar syarat-syarat pas yang berkuat kuasa;
- 7.3.4 Membuat permohonan pembatalan eVAL kepada JIM dengan serta merta sekiranya pelajar antarabangsa ODL menangguh hasrat untuk memasuki Malaysia setelah diberikan kelulusan eVAL;
- 7.3.5 Memastikan pelajar antarabangsa ODL yang hadir ke Malaysia mempunyai insurans perjalanan dan insurans kesihatan yang melindungi pelajar sepanjang keberadaan di Malaysia;
- 7.3.6 Memastikan saringan kesihatan bagi pelajar antarabangsa ODL yang hadir ke Malaysia dilaksanakan berdasarkan kepada ketetapan semasa dan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- 7.3.7 Memastikan pelajar antarabangsa ODL yang mendapat kemudahan Pas Pelajar membuat pengesahan keluar dari Malaysia dengan

memohon **Check-Out Memo (COM)** sebelum Pas Pelajar tamat tempoh.

7.4 PEMANTAUAN PELAJAR ANTARABANGSA DI MALAYSIA

- 7.4.1 Melaporkan data mengenai pelajar antarabangsa ODL yang aktif kepada KPT secara suku tahunan menerusi sistem **MyMohes** bagi UA dan sistem **e-IPTS** bagi IPTS. Data yang perlu dilaporkan adalah data terkini sehingga **31 Mac, 30 Jun, 30 September** dan **31 Disember** setiap tahun; dan
- 7.4.2 Mengemas kini status pelajar antarabangsa ODL (aktif/bergraduat/diberhentikan/dll.) dalam sistem STARS. Pengemaskinian adalah penting bagi tujuan rekod dan prestasi IPT.

8.0 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- 8.1 Pelajar antarabangsa ODL (atau IPT) mengemukakan permohonan *electronic Visa Approval Letter (eVAL)* pelajar antarabangsa ODL sekiranya keperluan keberadaan pelajar di Malaysia melebihi tempoh kelayakan PL(S) negara masing-masing melalui EMGS, **tertakluk kepada prosedur permohonan Pas Pelajar sedia ada;**
- 8.2 Pelajar antarabangsa ODL yang perlu hadir ke Malaysia secara fizikal hendaklah memastikan **tempoh sah laku passport** adalah sekurang-kurangnya **minimum enam (6) bulan bagi permohonan yang melibatkan kemudahan PL(S)** dan **minimum lapan belas (18) bulan bagi permohonan Pas Pelajar;**
- 8.3 Pelajar antarabangsa ODL yang perlu hadir ke Malaysia secara fizikal hendaklah memiliki insurans kesihatan yang melindungi pelajar sepanjang tempoh menjalani pengajian di Malaysia secara fizikal; dan
- 8.4 Pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian secara ODL perlu mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

9.0 TANGGUNGJAWAB EMGS

EMGS adalah bertanggungjawab untuk:

- 9.1 Menyaring kelayakan akademik bagi permohonan pelajar antarabangsa ODL;
- 9.2 Mengurus permohonan Pas Pelajar bagi pelajar antarabangsa ODL yang akan menjalani pengajian secara fizikal di Malaysia tidak melebihi tempoh lapan belas (18) bulan;
- 9.3 Memproses permohonan lengkap dan sempurna dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan pengambilan pelajar antarabangsa ODL;
- 9.4 Menguruskan permohonan pengajian secara ODL untuk IPT Malaysia bagi tujuan kelulusan; dan
- 9.5 Mengeluarkan surat *Approval to Study for International Student*;

10.0 PROSEDUR PERMOHONAN PENGAJIAN SECARA ODL

- 10.1 Pelajar antarabangsa termasuk calon pelajar yang memegang Pas Jangka Panjang dengan kebenaran untuk belajar oleh pihak JIM hendaklah memohon untuk mengikuti kursus ODL yang ditawarkan secara terus kepada IPT;
- 10.2 IPT mengeluarkan surat tawaran kepada pelajar antarabangsa ODL yang menepati syarat kelayakan minimum program pengajian;
- 10.3 Permohonan hendaklah dikemukakan oleh IPT/pelajar antarabangsa ODL kepada EMGS bagi tujuan saringan berdasarkan tahap yang dinyatakan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia;
- 10.4 Bagi permohonan yang diluluskan, IPT/pelajar antarabangsa ODL perlu memuat turun surat syor kelulusan EMGS di sistem STARS/laman web EMGS, www.educationmalaysia.gov.my;
- 10.5 Pelajar antarabangsa ODL hanya dibenarkan memulakan pengajian setelah surat syor kelulusan EMGS telah dikeluarkan; dan

- 10.6 Carta Alir Prosedur Permohonan Pengajian Secara ODL adalah seperti di **Lampiran A.**

11.0 PROSEDUR PENGAJIAN SECARA FIZIKAL DI MALAYSIA

- 11.1 Pelajar antarabangsa ODL yang perlu hadir secara fizikal ke Malaysia **melebihi tempoh tiga (3) bulan WAJIB** menggunakan kemudahan **Pas Pelajar** dengan jangka masa **tiga (3) bulan hingga lapan belas (18) bulan** mengikut tempoh keperluan keberadaan di Malaysia berdasarkan pelan pengajian kursus pengajian pelajar, **tertakluk kepada prosedur permohonan Pas Pelajar sedia ada;**
- 11.2 Pelajar antarabangsa ODL yang perlu hadir secara fizikal ke Malaysia **tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan** boleh menggunakan kemudahan **PL(S)** mengikut tempoh kelayakan keberadaan negara masing-masing seperti prosedur yang telah ditetapkan; dan
- 11.3 Kadar bayaran pas dan visa yang dikenakan adalah seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, dan kadar caj pemprosesan permohonan pas adalah tertakluk kepada caj semasa yang ditetapkan oleh EMGS.

12.0 KEBENARAN BELAJAR BAGI PAS JANGKA PANJANG SELAIN PAS PELAJAR

- 12.1 Pelajar antarabangsa ODL yang memegang **Pas Jangka Panjang** dan **memerlukan kehadiran secara fizikal** perlu mendapatkan kebenaran belajar (endosmen) daripada JIM, tertakluk kepada syarat-syarat pas semasa yang berkuat kuasa; dan
- 12.2 Manakala pelajar antarabangsa ODL yang memegang **Pas Jangka Panjang** dan **tidak memerlukan kehadiran secara fizikal** sepanjang tempoh pengajian tidak perlu mendapatkan kebenaran belajar (endosmen) daripada JIM, tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa yang berkuat kuasa.


12.0 PEMAKAIAN

Pemakaian garis panduan ini dikuatkuasakan kepada semua pemegang taruh dan IPT yang terlibat dalam pengambilan dan pengurusan pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian secara ODL di IPT Malaysia melalui EMGS.

CARTA ALIR PERMOHONAN PENGAJIAN SECARA OPEN AND DISTANCE LEARNING

TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA



Nota: Pelajar antarabangsa ODL yang **perlu hadir secara fizikal ke Malaysia melebihi tempoh kelayakan PL(S) negara masing-masing** perlu memohon Pas Pelajar, tertakluk kepada prosedur permohonan Pas Pelajar sedia ada.